



INSTITUT PENYELIDIKAN VETERINAR

Veterinary Research Institute

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

No. 59, Jalan Sultan Azlan Shah

31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605-545 7166 / 605-545 7187

Faks : 605-546 3368 / 605-547 7558

E-mel : admin@dvsri.gov.my

Laman Web : www.dvsri.gov.my

Ruj. Kami : JPV:VRI/100-2/3/1 JLD 4 (78)

Tarikh : 4 Februari 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PENANGGUHAN UJIAN *COMPLEMENT FIXATION TEST* (CFT) BRUCELLOSIS DAN PENGHADAN SKOP UJIAN MELIOIDOSIS SERTA JOHNE'S CFT KEPADA AKTIVITI PERGERAKAN HAIWAN, IMPORT DAN EKSPORT DI INSTITUT PENYELIDIKAN VETERINAR

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dukacita dimaklumkan bahawa Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) terpaksa menangguhkan ujian *Complement Fixation Test* (CFT) bagi Brucellosis serta mengehadkan pelaksanaan ujian Melioidosis dan Johne's CFT kepada urusan pergerakan haiwan, import dan eksport berikutan isu kualiti dalaman stok *complement* bagi pelaksanaan ujian *Complement Fixation Test*. Walaubagaimanapun, perkhidmatan pengujian Brucellosis akan diteruskan menerusi ujian Brucellosis ELISA tanpa sebarang syarat. Kesemua perincian perubahan berkaitan ujian ini akan dikuat kuasakan mulai 4 Februari 2026. Sehubungan itu, satu memo pemakluman susulan akan dikeluarkan setelah stok *complement* berjaya dihasilkan dalam tempoh yang seberapa segera.

3. Segala kesulitan yang timbul amat dikesali. Sekian untuk makluman dan perhatian pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"VETERINAR KOMPETEN MASYARAKAT SEJAHTERA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. ZETI YUZREENA BINTI ABDUL KHALID)

Pengarah

Institut Penyelidikan Veterinar

Ipoh

s.k Pengarah Bahagian Penyelidikan Veterinar
Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar
Ketua Seksyen Patologi (Unit Pendaftaran)
Ketua Seksyen Seroologi
Ketua Unit MIMS- sila war-warkan kepada pelanggan VRI
Fail

